







ANALISIS DATA RAYA JOB MARKET INSIGHTS & MY JOB PROFILE: PENAWARAN PEKERJAAN DIIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA, SUKU KEDUA 2024



Penawaran Pekerjaan Diiklankan dalam Talian, ST1 2021 – ST2 2024



Kategori Profesional kekal tertinggi, merangkumi 47.5 peratus atau 159,133 daripada jumlah penawaran pekerjaan pada suku kedua 2024

- Bilangan penawaran pekerjaan yang diiklankan dalam talian pada suku kedua 2024 merekodkan penurunan sebanyak 14.5 peratus kepada 335,205 penawaran pekerjaan berbanding 392,054 kekosongan pada suku pertama 2024. Bilangan penawaran pekerjaan mencatatkan pertumbuhan dua digit, iaitu 28.3 peratus pada suku kedua 2024 berbanding 85.4 peratus pada ST1 2024. Sementara itu, 55,968 syarikat telah mengiklankan pekerjaan berbanding 76,532 syarikat pada ST1 2024.
- Hampir separuh daripada penawaran pekerjaan yang diiklankan secara dalam talian tertumpu dalam kategori Profesional, iaitu 47.5 peratus atau 159,133 penawaran pekerjaan pada suku kedua 2024. Selain itu, bagi penawaran pekerjaan mengikut kategori pekerjaan, Pengurus mencatatkan 17.1 peratus (57,428 penawaran pekerjaan), diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu sebanyak 16.4 peratus (54,960 penawaran pekerjaan). Permintaan yang lebih tinggi dilaporkan bagi bidang Profesional Pengiklanan & Pemasaran, Pengarah Urusan & Ketua Eksekutif, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Akauntan & Juruaudit serta Profesional Pentadbiran.
- Majoriti penawaran pekerjaan pada ST2 2024 adalah dalam sektor Perkhidmatan 67.7 peratus atau 227,012 penawaran pekerjaan. Sektor Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan mencatatkan bilangan penawaran tertinggi dengan 62,921 penawaran pekerjaan atau 18.8 peratus. Manakala, sektor Perdagangan Borong & Runcit merekodkan 55,155 penawaran pekerjaan (16.5%), diikuti Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal dengan 28,057 penawaran pekerjaan (8.4%) dan Pembuatan dengan 18,594 penawaran pekerjaan (5.6%).

